

Agong berkenan Sapiah ketuai Jakoa

Lulusan undang-undang perniagaan UKM wanita orang asli pertama dilantik Ketua Pengarah Jakoa

PUTRAJAYA



Sapiah Mohd Nor melakar sejarah menjadi wanita orang asli pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) berkuat kuasa hari ini.

Mengumulkannya pada Selasa, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pelantikan Sapiah diperkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan surat pelantikannya diserahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Pejabat Perdana Menteri di bangunan Parlimen pada Selasa.

"Pelantikan ini merupakan sejarah kepada Jakoa apabila dipimpin oleh golongan wanita sekali gus meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dan masyarakat orang asli dalam perkhidmatan awam," kata Mahdzir dalam satu kenyataan.

Sapiah, 56, ialah orang asli keturunan suku Semai berkelulusan Ijazah Sarjana Undang-Undang Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2007 dan pemegang Ijazah Sarjana



SAPIAH

Muda Pentadbir Perniagaan universiti yang sama pada 2007.

Menyertai perkhidmatan awam sebagai penolong pegawai tadika pada 1991 dan pernah berkhidmat di beberapa Kementerian dan jabatan dalam tempoh 30 tahun itu, Sapiah sebelum dilantik terkini adalah pegawai penguat kuasa

Kementerian Perdagangan dan Negeri dan Hal Ehwal Pengangkutan (KPDNHEP). - Bernama

Hanya pengunjung lengkap vaksin dibenar masuk GM Klang

BAH ALAM - Pusat Borong GM Klang hanya membenarkan pengunjung yang sudah lengkap vaksin serta tidak bergejala untuk masuk ke dalam kompleksnya bermula Khamis ini.

Pengurus Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, pengunjung dikehendaki menunjukkan kad digital vaksinasi mereka atau kad digital vaksinasi di pintu masuk untuk pemeriksaan selain mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang lain seperti memakai pelitup muka, sanitasi tangan dan penjarakan fizikal.

Menurutnya, pelaksanaan SOP itu adalah wajar dalam usaha mengesahkan mulanan wabak Covid-19 di dalam kompleks tersebut yang merupakan pusat tertutup.

"Tindakan ini juga memberikan keyakinan kepada orang awam yang berlanjut ke GM Klang dalam keadaan selamat dan selamat ketika melakukan

aktiviti perniagaan dan membeli-belah.

"Kami menjangkakan pengunjung bertambah apabila peratusan komuniti yang lengkap vaksinasi sudah meningkat.

"Mereka perlu keluar untuk mendapatkan barangan keperluan dan meringankan fikiran yang mungkin telah penat selepas beberapa bulan menghabiskan masa hanya di rumah sendiri," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Norsuhaida berkata, GM Klang turut meningkatkan keselamatan kompleks dengan kerja-kerja sanitasi yang lebih kerap terutama di kawasan yang menjadi tumpuan.

"Sejajar dengan peralihan fasa dua Pelan Pemulihan Negara di Selangor pada 10 September lalu, banyak kedai yang dibuka di GM Klang apabila pelbagai kategori perniagaan yang telah dibenarkan beroperasi mengikut SOP Majlis Keselamatan Negara.

"Ini membolehkan GM Klang dapat beroperasi sepenuhnya," katanya.



Pusat Borong GM Klang membenarkan pengunjung yang sudah lengkap divaksin serta tidak bergejala sahaja untuk masuk ke dalam kompleks tersebut bermula Khamis ini.

Alami pengalaman pendengaran yang mengujakan dengan BLU



Pengalaman pendengaran yang meningkatkan kehidupan anda akan suka



Pelancaran Eksklusif di 20dB Hearing

- 1. Rebate istimewa untuk pelanggan terawal
- 2. Pemeriksaan pendengaran percuma untuk warga emas
- 3. Percubaan alat bantu pendengaran percuma sehingga 30 hari
- 4. Hadiah misteri dengan pembelian *Tersektuk kepada terma dan syarat

Sah sehingga 30/10/2021

Imbas untuk mendaftar

WeChat/Whatsapp:

Talian Bebas Toll:

012-942 7729

1800 88 2032



Sedia ada di seluruh negara:

K.L. Cheras | AFON Cheras | B. Jaya Uptown | TTDI | PJ-352 | Klang | Ipoh | Taiping | Siliguan | Pulau Tikus | Bayan Baru | B. Mertajam | Alor Setar | Kota Kinabalu | Kota Bharu | K. Terengganu | Kuantan | Johor Bahru | Batu Pahat | Melaka | Seremban | Kuching | Sibau | Bintulu | Miri

ISO 9001:2015 Certified